Kerajaan Malaysia dalam usaha untuk membantu etnik Penan ini dari berbagai sudut seperti meningkatkan taraf hidup, meningkatkan tahap ekonomi, meningkatkan taraf kesihatan dan meningkatkan taraf pendidikan. Kerajaan juga telah membina penempatan semula etnik Penan ini seperti di Long Urun, Mentalun dan Tegulang seperti yang dibincangkan terdahulu (Borneo Post Online, 2016). Walaupun berbagai kemudahan telah dibina, masih terdapat sebilangan dari etnik Penan tidak mahu menghuni penempatan ini dengan alasan kediaman yang disediakan tidak sesuai bagi mereka. Ini disebabkan oleh janji untuk menyediakan sekolah, klinik, jalan raya berturap, bekalan air bersih, elektrik percuma, perumahan untuk setiap keluarga dan 15 hektar tanah setiap isi rumah masih belum ditunaikan oleh pihak kerajaan(Malaysiakini, 2016).

Penan Kubaan ini tinggal di perkampungan jauh dari ketamadunan manusia. Walaupun golongan ini tidak lagi mengamalkan cara hidup nomad tetapi kedudukan perkampungan mereka terletak jauh dari lingkaran laluan kenderaan darat bagi menghubungkan dengan dunia luar. Ini menyebabkan transformasi ketamadunan dalam beberapa aspek berlaku dengan kadar yang amat perlahan berbanding masyarakat luar. Sebagai contoh, masyarakat luar telah menikmati kemudahan tenaga elektrik selama 24 jam sehari tujuh hari seminggu tetapi etnik Penan di kawasan kajian ini masih lagi tidak





menikmati sedemikian. Begitu juga dengan kemudahan air terawat dan kemudahan komunikasi (Utusan Borneo online, 2019).

Etnik Penan di kawasan kajian ini masih lagi sukar untuk mendapatkan kemudahan bagi meningkatkan kualiti pendidikan dan kesihatan. Mereka perlu berjalan kaki merentasi hutan yang tiada penempatan manusia, mendaki dan menuruni bukit yang curam serta menyeberangi sungai yang berarus deras bagi mendapatkan pendidikan secara formal dan rawatan kesihatan secara klinikal (Malaysiakini, 2016).

Penan Kubaan di tapak kajian merupakan salah satu cabang etnik Penan dari Eastern Penan (Sarawak Tribune, 2017). Di perkampungan ini tidak kelihatan aktiviti menjana ekonomi secara jelas. Penduduk kampung mendapatkan bekalan makanan dari



kawasan persekitaran. Padi yang merupakan makanan ruji ditanam dikawasan bukit berhampiran. Sayuran ditanam untuk keperluan sendiri berhampiran kawasan rumah. Sesekali golongan ini akan pergi memburu binatang liar di dalam hutan secara berkumpulan untuk makanan. Bagi mendapatkan wang, sebilangan dari etnik Penan Kubaan ini bekerja di Bario terutama ketika waktua padi.

Seperti yang dibincang terdahulu, kerajaan Malaysia berusaha untuk membantu etnik Penan ini bagi meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Walaubagaimanapun, bantuan-bantuan ini sukar disalurkan terus kepada penduduk kampung Penan di tapak kajian disebabkan kemudahan pengangkutan yang terhad. Perjalanan berjalan kaki yang mengambil masa dua hari di dalam hutan dan tiada penempatan manusia untuk sampai ke kampung ini menyukarkan bantuan disampaikan. Antara cadangan bagi membantu etnik Penan untuk meningkatkan kualiti hidup berbanding sekarang ialah





dengan menempatkan mereka di kawasan berhampiran penempatan manusia sedia ada yang mudah dihubungi samada melalui jalan darat atau laluan sungai (Bernama, 2009).

Kajian ini bertujuan untuk mencadangkan kepada pihak yang berkenaan yang merancang untuk membina penempatan semula dari segi reka bentuk kediaman yang didasarkan kepada amalan semasa etnik Penan di tapak kajian. Kajian ini juga dapat memberi panduan kepada pihak yang bertanggungjawab bagi mengelakkan etnik Penan ini merasakan rumah yang didirikan untuk mereka tidak menepati seperti yang mereka amalkan selama ini. Panduan ini amat berguna bagi kedua-dua pihak iaitu etnik Penan itu sendiri dan pihak yang dipertanggungjawabkan bagi membina kediaman etnik Penan ini.



budaya. Bagaimanapun, terdapat perbezaan implementasi terhadap kediaman dalam sesuatu budaya tertentu. Banyak kajian yang telah dilakukan terhadap kediaman dengan berbagai-bagai idea. Dalam satu kajian disertasi yang memberi tumpuan terhadap perumahan kepada aspek-aspek budaya oleh Yang Khil (1991), didapati bahawa aliran kajian berkaitan dengan pengaruh budaya pada pelbagai aspek kediaman seperti bentuk, struktur, reka bentuk dalaman, penyelaras dan ruang telah berlaku dalam kalangan masyarakat.

Kediaman memainkan peranan penting di dalam kehidupan seharian manusia.

Kediaman mempengaruhi aktiviti manusia di sesuatu tempat. Antara faktor yang mempengaruhi tempat kediaman ialah keperluan seperti berteduh dari hujan dan panas, kemampuan memiliki rumah dari segi kewangan, faktor keselamatan, faktor kejiranan





dan infrastruktur seperti kemudahan bekalan air terawat, bekalan elektrik, jalan raya, sekolah, klinik kesihatan, tempat ibadat dan perhubungan. Kediaman juga dipengaruhi oleh pantang larang dan adat resam sesuatu kaum (Jabatan Warisan Negara, 2016).

Pantang larang merupakan suatu bentuk peraturan yang diwarisi secara turun-temurun sejak berkurun-kurun lamanya manakala adat resam adalah adat adalah peraturan hidup sehari-hari. Pantang larang dan adat resam merupakan gagasan kebudayaan yang terdiri daripada nilai-nilai kebudayaan, norma, kebiasaan, kelembagaan dan hukum adat yang lazim dilakukan di sesuatu daerah (Jabatan Warisan Negara, 2016). Peraturan dan gagasan budaya ini turut mempengaruhi manusia di dalam aspek membina kediaman. Bakeri dan Raduan (2012) menyatakan bahawa kaum-kaum tertentu mempunyai peraturan-peraturan tersendiri semasa membina rumah kediaman mereka.

Laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang bernaung di bawah kerajaan Malaysia (2013) membangkitkan isu kediaman etnik Penan di dalam laporan tahunannya. Laporan berkenaan menyebut bahawa sekumpulan masyarakat Penan serta aktivis telah lama menyuarakan kebimbangan mengenai pembinaan empangan Murum di Sarawak yang dikatakan menceroboh kawasan tanah adat yang membawa kesan yang besar terhadap kehidupan, sosioekonomi, budaya, tradisi serta kepercayaan masyarakat Penan dan alam sekitar. Sehubungan itu, masyarakat kampung telah membuat sekatan bagi meluahkan bantahan terhadap projek tersebut. Pihak polis telah dipanggil untuk menyuraikan orang ramai.





Suruhanjaya ini juga telah menerima laporan berhubung tindakan pihak polis yang melepaskan tembakan amaran ke udara serta penahanan yang dibuat ke atas dua orang kanak-kanak yang terlibat melakukan sekatan berkenaan. Suruhanjaya di samping itu telah menulis kepada Kerajaan Negeri Sarawak, Sarawak Energy Board dan pihak polis dan merancang untuk mengaturkan satu mesyuarat di antara pihak berkuasa dan masyarakat Penan.

Menurut satu sidang media Kumpulan Bertindak Menentang Pembinaan Empangan yang disokong oleh 80 kumpulan Masyarakat Sivil Malaysia dari seluruh negara mendakwa orang-orang asal dipaksa untuk tinggal di penempatan semula dan kerajaan negeri Sarawak turut dituduh merampas tanah milik orang asal. Kumpulan ini juga mendakwa penempatan semula yang dibina tidak sesuai dan keadaan hidup Orang



Asal ini yang menyerupai keadaan di kem perlindungan orang pelarian. Kumpulan ini turut menyifatkan pengusiran orang asal dari tanah mereka sebagai satu bukti pemusnahan budaya yang tidak boleh dipulihkan. (Freemalaysiatoday, 2013).

Bagi meredakan kebimbangan etnik Penan di kawasan yang terlibat dengan penengelaman kawasan hutan yang menjadi tempat kediaman dan tempat untuk mendapatkan sumber makanan, kerajaan telah membina penempatan-penempatan baru. Penempatan-penempatan ini dilihat dapat membantu etnik Penan di dalam meningkatkan taraf hidup. Antara penempatan semula yang telah dibina ialah Tegulang dan Mentalun di Long Wat. Menteri Muda Adat Bumiputera dan Hal Ehwal Penan Sarawak, John Sikie Tayai dilaporkan berkata penempatan ini dibina dibekalkan dengan kemudahan asas seperti bekalan air dan tenaga elektrik, kemudahan jalan raya, sekolah dan kemudahan kesihatan (Berita Harian, 2013).





Berbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan bagi meyakinkan penduduk yang terjejas dengan pembinaan Empangan Bakun dan Murum. Menteri Kemajuan Tanah Sarawak, James Masing dilaporkan berkata kajian sedang dijalankan bagi mendapatkan gambaran yang jelas tentang keperluan dan kehendak etnik Penan dan tidak boleh disamakan dengan kaum Kenyah atau Kayan yang tidak mengamal cara hidup berpindah randah. Beliau juga melaporkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia tidak perlu bimbang dengan nasib etnik Penan ini kerana proses rundingan masih lagi berjalan untuk mendapat kata sepakat yang memberi faedah kepada semua pihak. Menteri ini juga meminta konsesi balak dan syarikat perladangan supaya tidak lagi menceroboh kawasan tandahan seluas 30,000 hektar yang akan diperuntukkan untuk etnik Penan ini (Belagakini, 2010).



Walau bagaimanapun penempatan semula tersebut didakwa tidak menepati seperti yang dijanjikan semasa etnik Penan ini dipaksa meninggalkan kampung halaman mereka. Malaysiakini (2016) melaporkan etnik Penan ini telah dijanjikan penempatan semula yang teratur dan tersusun tetapi tidak dipenuhi.

Antara janji-janji yang tidak dipenuhi adalah pembinaan sekolah, klinik, jalan raya berturap, bekalan air bersih, elektrik percuma, rumah untuk setiap keluarga dan peruntukan 15 hektar tanah setiap isi rumah. Malahan ada dalam kalangan ketua kampung dari etnik Penan ini tidak mahu berurusan dengan pihak kerajaan dengan melarikan diri ke dalam hutan jika ada wakil dari pihak kerajaan masuk ke penempatan mereka. Ini diakui sendiri oleh Alfred Jabu, Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar (Borneo Post, 2014).





Etnik Penan ini menuntut janji-janji yang telah dimeterai bersama pihak pemerintah terutama dari aspek pemberhentian aktiviti pembalakan semasa Pengisytiharan Bengkel Kedua Kaum Asli yang diadakan pada 15 September 1987. Penempatan semula etnik Penan ini walau bagaimanapun masih belum mencapai tahap seperti yang dijanjikan. Malahan Pengisytiharan Bengkel Kedua Kaum Asli telah meminta supaya Jawatankuasa Kabinet Negeri Mengenai Hal Ehwal Penan dibubarkan kerana tidak berkesan dan tidak ikhlas dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Penan di negeri itu. Jawatankuasa ini didakwa hanyalah ditubuhkan untuk mengelirukan orang ramai dan kumpulan-kumpulan yang mengambil berat tentang nasib penghuni hutan (Musa, 2016).

Etnik Penan mendakwa mereka menyara hidup dengan aktiviti pemburuan dan



Etnik Penan juga mendakwa bahawa mereka kehilangan sumber setelah hutan diterokai oleh penanaman kelapa sawit berskala besar menyebabkan bekalan keperluan harian menjadi masalah kepada mereka (Belagakini, 2010). Belagakini (2010) juga melaporkan seorang tuan rumah mendakwa beliau tidak yakin dengan kerajaan kerana ramai kawan-kawannya ditipu di bawah projek penempatan semula Bakun. Seorang wakil penduduk yang terdiri dari 30 keluarga yang lain pula mendakwa mereka tidak boleh tinggal di penempatan semula yang disediakan kerana tidak menepati cara hidup yang selama ini diamalkan (Belagakini, 2011).

Keputusan etnik Penan tidak menerima penempatan semula ini disokong oleh Morris dan Winter (1975). Morris dan Winter (1975) mendakwa apabila sesebuah kediaman itu tidak mencapai norma-norma biasa, ia akan menimbulkan rasa tidak puas





hati dan mewujudkan kecenderungan pengurangan defisit normatif. Mobiliti kediaman, penyesuaian kediaman dan penyesuaian ahli keluarga adalah alternatif kepada penyelarasan untuk mengurangkan defisit yang akan diambil apabila timbulnya kekangan dari aspek tingkah laku yang boleh diatasi.

1.3 Persoalan Kajian.

Kajian ini dijalankan dengan persoalan seperti berikut:

1. Bagaimakah reka bentuk rumah yang dipraktikkan etnik Penan di tapak kajian.
2. Apakah elemen reka bentuk setiap rumah etnik Penan di tapak kajian?
3. Apakah spesifikasi reka bentuk rumah yang sesuai bagi etnik Penan di tapak kajian berdasarkan rumah sedia ada?



1.4 Objektif Kajian.

Bagi menyempurnakan kajian ini, objektif adalah seperti berikut:

1. Mengkaji keadaan semasa reka bentuk rumah etnik Penan di tapak kajian.
2. Menganalisa fungsi ruang, saiz binaan dan reka bentuk rumah etnik Penan di tapak kajian.
3. Membangunkan garis panduan reka bentuk rumah di penempatan semula etnik Penan.





1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar amalan etnik Penan terhadap reka bentuk dan susun atur kediaman mereka. Data yang tersedia dari kajian ini yang boleh digunakan untuk mereka bentuk kediaman yang bersesuaian dan bertepatan dengan amalan etnik Penan di kawasan kajian. Kediaman yang dibina nanti dapat digunakan dan hasrat kerajaan untuk meningkatkan taraf kehidupan etnik Penan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Impak penting kepada masyarakat yang boleh diketengahkan antaranya ialah kemampuan etnik Penan ini meneruskan hidup dengan kemudahan yang sangat terhad disebabkan oleh penempatan mereka yang terletak di dalam hutan dan tiada jalan darat



Etnik ini memanfaatkan bahan-bahan yang ada di persekitaran mereka bagi kelangsungan hidup mereka.

Selain dari itu kajian ini dapat memperincikan berkaitan keselesaan ruang-ruang yang dibina oleh komuniti ini untuk kegunaan sehari-hari. Impak juga terserah dari sudut ketaatan dan kepatuhan kepada kepercayaan menyebabkan mereka sanggup menggadaikan kesenangan dan masa dengan anak-anak dengan tinggal di dalam hutan semata-mata untuk menjaga tanah nenek moyang mereka untuk diwariskan kepada anak-anak cucu mereka.

Kajian ini penting terutamanya kepada penyelidik-penyelidik lain yang ingin meneruskan penyelidikan dalam bidang tradisi dan cara hidup etnik minoriti yang





mewajarkan seseorang penyelidik itu mencari, menaakul dan mencerna sesuatu yang tersembunyi dalam genre ini. Cara hidup kaum minoriti ini masih memerlukan jawapan dalam bentuk penyelidikan kepada penyelidik yang berminat.

Kajian ini juga dapat menyumbangkan penemuan-penemuan baru dalam bidang ini terutamanya kehidupan sebenar masyarakat Penan. Malah penemuan-penemuan itu menyemarakkan lagi dunia penyelidikan yang selama ini amat kekurangan dari segi penulisan. Penemuan-penemuan baru ini juga menambahkan lagi khazanah disiplin ilmu terutama di peringkat pengajian tinggi. Ia amat bermanfaat sebagai bahan rujukan kepada pelajar-pelajar pasca siswazah dan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi yang mengkhususi bidang ini.



1.6 Pemilihan tapak kajian

Dua buah kampung iaitu Pa' Tik A dan Pa' Tik B telah dipilih sebagai tapak kajian berdasarkan beberapa faktor. Reka bentuk kediaman di tapak kajian adalah gabungan dari amalan etnik Penan dalam membina kediaman dan idea rumah kediaman yang dimahukan. Rumah kediaman yang terhasil dan diterjemahkan di tapak kajian adalah unik kerana kediaman mereka adalah hasil rekaan mereka sendiri. Rumah kediaman yang mereka bina ini adalah adaptasi melalui proses asimilasi melalui pemerhatian mereka di tempat lain dan dibina mengikut kehendak dan keperluan mereka dan disesuaikan dengan keupayaan mereka membina rumah kediaman mereka. Selaras dengan ini reka bentuk kediaman mereka ini perlu didokumenkan supaya dapat dijadikan rujukan pada masa akan datang.





Kediaman etnik Penan di tapak kajian ini dipilih kerana ia mencerminkan kehendak dan keperluan mereka terhadap rumah kediaman. Dari kehendak dan keperluan etnik Penan ini, pihak yang berkepentingan dapat menggunakan bagi membantu etnik Penan ini bagi meningkatkan taraf ekonomi mereka.


Lokasi kedua-dua kampung ini juga mendorong kepada pemilihan tapak kajian. Kedudukan kampung-kampung ini yang tidak boleh dihubungi oleh kenderaan darat atau kenderaan air mencerminkan kehidupan sebenar etnik Penan ini yang banyak bergantung kepada hutan untuk meneruskan hidup. Etnik Penan di kedua-dua kampung ini mendapatkan bekalan makanan dengan menanam sendiri padi bukit dan mendapatkan sayur di kawasan berhampiran dengan kediaman mereka. Peredaran wang tunai terlalu perlahan di kedua-dua kampung ini.



Penduduk kampung ini berbangga kerana semua penduduk yang tinggal di kampung ini merupakan etnik Penan. Selaras dengan itu dapatlah dikatakan bahawa reka bentuk kediaman etnik Penan di kedua-dua kampung ini merupakan reka bentuk etnik Penan sendiri yang tidak dipengaruhi oleh etnik lain secara perkahwinan atau secara biologi.

Berdasarkan justifikasi-justifikasi yang dinyatakan terdahulu dapatlah dikatakan kampung ini menjadi bahan kajian kerana reka bentuk rumah kediaman yang terdapat di kampung ini merupakan reka bentuk yang diterjemahkan dari idea mereka sendiri yang perlu didokumenkan sebagai sebahagian dari proses perubahan etnik Penan Kubaan.





Rajah 1.1. Lokasi tapak kajian: Kampung Pa' Tik. Strait Central Travel and Tours (2017) dan Sarawak Tourism Board (t.t)



1.7 Skop kajian

Penan Kubaan terdiri dari empat buah kampung. Penyelidik hanya mengambil dua buah kampung sebagai bahan kajian iaitu Pa' Tik A dan Pa' Tik B sahaja. Kampung Long Lobang dan Kampung Long Bedamut tidak dijadikan bahan kajian kerana beberapa faktor. Kampung Long Lobang contohnya berkonsept rumah panjang, oleh itu secara tradisinya penduduk rumah tersebut terikat dengan adat dan konsep rumah panjang seperti tuan rumah perlu membina ruai yang sama seperti ruai sedia ada, ruang dapur yang berkongsi dan sebagainya. Oleh itu, rumah penduduk Long Lobang bukanlah sepenuhnya hasil reka bentuk tuan punya rumah. Kampung Long Bedamut pula merupakan penempatan semula dan rumah dibina oleh pihak pemerintah tanpa mengambil kira kehendak tuan rumah bagi membantu etnik ini yang memerlukan



Penan di Long Bedamut telah terubah dengan sendirinya.

Kesungguhan komuniti Penan dapat dilihat di kedua kampung ini dalam membina rumah yang mereka diamai. Mereka terpaksa membawa bahan bina dan peralatan yang berat dan besar seperti kemasan bumbung dari pekan Bario ke tapak pembinaan yang mengambil masa dua hari dengan berjalan kaki. Mereka juga membawa tangki air yang bersaiz besar merentasi hutan berbukit untuk sampai ke penempatan mereka. Di samping itu mereka menebang pokok dan membelah kayu dengan tenaga dan kemudahan yang sangat terhad.

Perubahan cara berfikir dalam mengadaptasi amalan yang dilakukan oleh masyarakat lain terserah apabila komuniti ini mampu membina kediaman dengan





menggunakan teknologi semasa. Di samping itu mereka mampu meneruskan kelangsungan hidup dengan manipulasikan kemudahan yang sangat terhad. Fenomena ini menjadikan kajian ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

Skop kajian ini menumpukan faktor-faktor yang boleh membantu pihak-pihak yang berkepentingan di dalam usaha membina penempatan semula etnik Penan Kubaan ini. Faktor-faktor penolakan yang biasa dijadikan sebab atau alasan oleh sebilangan etnik Penan ini yang tidak mahu menerima atau tinggal di penempatan yang disediakan dapat diminimakan dan kebarangkalian etnik Penan ini untuk kembali ke dalam hutan adalah rendah.



Beberapa istilah telah digunakan dalam kajian ini. Istilah ini membantu penyelidik dalam memahami setiap perkara yang dibincangkan serta mengelak daripada berlakunya penyelidikan yang tersasar dari objektif asal.

1.8.1 Penan Kubaan

Penan di Sarawak lazimnya dianggap sebagai suku nomadik yang tidak beragama, berkehidupan daif dan tinggal di pedalaman di kawasan berbukit bukau. Etnik Penan di kawasan kajian menggelarkan kumpulan mereka sebagai Penan Kubaan kerana kediaman mereka berdekatan dengan Sungai Kubaan. Penduduk Penan Kubaan terdiri





daripada empat buah kampung iaitu Kampung Long Lobang, Kampung Long Medamut, Kampung Pa' Tik A dan Kampung Pa' Tik B. Walaupun begitu, penduduk di empat kampung ini adalah bersaudara samada melalui keturunan atau pekahwinan.

1.8.2 Bario

Bario ialah sebuah perkampungan terletak di timur laut Sarawak, berhampiran dengan sempadan antarabangsa dengan Kalimantan di Indonesia yang merupakan penempatan utama Tanah Tinggi Kelabit. Terdapat empat belas buah perkampungan di Tanah Tinggi Kelabit ini. Perkhidmatan pengangkutan udara antara Lapangan Terbang Bario dan Ba'kelalan, Marudi dan Miri merupakan perjalanan pantas bagi menghubungkan Bario dengan dunia luar. Perjalanan menggunakan kenderaan darat dari Miri ke Bario mengambil masa lebih kurang 10 jam yang sebahagiannya melalui laluan pengangkutan balak tidak berturap.

Bario yang berada di bawah pentadbiran Pejabat Daerah Miri terdapat banyak kemudahan infrastruktur seperti lapangan terbang, pusat telekomunikasi untuk kemudahan akses internet dan komputer servis, sekolah rendah, sekolah menengah, gereja, muzium Kelabit, muzium digital, tempat penginapan, klinik kesihatan, balai polis dan premis perniagaan. Aktiviti ekonomi utama komuniti ini ialah pelancongan dan pertanian, terutamanya Padi Bario. Iklim sejuk pada purata 20°C membolehkan penduduk untuk menyemai buah sitrus selain padi. Bario juga terkenal untuk garam buatan Bario dan berkaliung tingginya dan buah nanas Bario yang menyegarkan (Pentadbiran Bahagian Miri, 2019).





1.9 Batasan Kajian

Kajian ini adalah tertumpu kepada kediaman masyarakat Penan di daerah Ulu Baram.

Dalam kajian ini beberapa faktor utama dijadikan batasan kajian iaitu:

- i) Batasan sampling kajian. Sampling ini terdiri dari kediaman yang terdapat di kampung Pa' Tik A dan Pa' Tik B.
- ii) Batasan lokasi. Batasan lokasi kajian ialah di Kampung Pa' Tik A dan Kampung Pa' Tik B.
- iii) Batasan masa. Kajian tertakluk kepada masa pengumpulan data dibuat.
- iv) Cadangan kediaman baharu etnik Penan Kubaan ini adalah berdasarkan dari dapatan analisa kediaman sedia ada yang diperoleh di tapak kajian. Berdasarkan dapatan analisa, penyelidik kemudiannya mereka bentuk mengikut saiz dan bentuk kediaman sedia ada. Hasil reka bentuk penyelidik ini diserahkan kepada arkitek bertauliah untuk semakan dan dianggap sebagai reka bentuk akhir. Penyelidik tidak mendapatkan pandangan ketua kampung atau penduduk kampung di dalam reka bentuk akhir disebabkan terdapat berbagai pendapat dan kehendak terhadap kediaman semasa temubual separa struktur dilaksanaan. Menurut Masri, Arman dan Razlina. (2015) kehendak dan keperluan manusia tiada hadnya. Ini ditambah oleh Safri (2019) yang mengatakan kehendak manusia sentiasa berubah-ubah, sukar dipuaskan, kompleks serta tiada had.
- v) Penyelidikan ini hanya berkisar kepada fizikal rumah kediaman yang diamalkan oleh etnik Penan di tapak kajian tanpa mengambil kira faktor-faktor tersirat yang diamalkan di dalam mereka bentuk kediaman etnik Penan ini. Reka bentuk yang dicadangkan penyelidik adalah didasarkan kepada bentuk dan saiz sedia





ada yang menjadi amalan budaya terhadap kediaman etnik Penan di tapak kajian.

1.10 Struktur kajian

Kajian ini difokuskan untuk mengenalpasti sama ada terdapat perubahan terhadap kediaman masyarakat Penan di tapak kajian. Bagi menterjemahkan isi kandungan kajian dalam bentuk teks, kajian ini telah dibahagikan kepada beberapa bab.

Bab 1 merupakan pengenalan kepada kajian yang dilaksanakan yang mengandungi kepentingan kajian, objektif kajian, soalan-soalan kajian, metodologi yang akan dilaksanakan, batasan kajian yang akan memandu penyelidik kepada keseluruhan kandungan kajian.

Bab 2 membincangkan kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh penyelidik-penyelidik lain yang berkaitan dengan reka bentuk kediaman terutama kediaman yang berkaitan dengan etnik Penan.

Bab 3 menerangkan tentang metodologi atau kaedah-kaedah dan langkah-langkah yang dilakukan untuk melaksanakan kajian termasuklah kaedah pengumpulan data dan analisa data. Data yang diperoleh tentang kediaman akan ditulis bagi membolehkan pembaca memahami kandungan kajian dan menggunakan maklumat yang tersedia.





Bab 4 mengemukakan data yang diperoleh mengenai kediaman etnik Penan di tapak kajian. Analisa ini membincangkan keadaan sebenar kediaman etnik Penan semasa lawatan tapak. Data-data diperoleh secara pemerhatian, pengukuran saiz ruang dan temubual selaras dengan soalan kajian. Penyelidik telah merumuskan semua data yang diperoleh setelah analisa dilakukan. Hasil rumusan yang diperoleh menerbitkan cadangan reka bentuk serta susun atur kediaman dan diterjemahkan dalam bentuk penemuan kajian.

Bab 5 membincangkan tentang penemuan kajian. Dari penemuan ini, beberapa cadangan dan saranan untuk membina kediaman etnik Penan yang baharu didasarkan kepada reka bentuk sedia ada diperhalusi. Cadangan kepada kajian-kajian yang berpotensi untuk dilakukan pada masa hadapan juga dibincangkan.



1.11 Kesimpulan

Masyarakat Penan adalah masyarakat yang dikatakan jauh tertinggal dari arus pembangunan dan kemodenan masa kini. Dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup etnik Penan ini, penempatan semula adalah salah satu agenda kerajaan bagi membantu mereka. Berdasarkan kepada penempatan semula yang telah dibina seperti di Long Urun dan Tengalun, terdapat sebilangan dari etnik ini tidak gembira kerana penempatan yang disediakan kerana kediaman yang dibina tidak selari dengan amalan dan kehendak mereka. Kajian ini memperincikan tentang kediaman masyarakat Penan di tapak kajian yang diamalkan sehingga kini. Data dari reka bentuk sedia ada di tapak





kajian ini akan digunakan untuk mencadangkan reka bentuk dan susun atur kediaman etnik Penan yang baharu.

Seterusnya penyelidik cuba menyampaikan mesej-mesej yang boleh digunakan oleh pembaca mengenai kediaman masyarakat Penan. Kaedah atau tindakan yang dilakukan oleh masyarakat Penan yang mampu membina kediaman dengan pengetahuan teknologi yang sangat terhad serta bagaimana mereka menyesuaikan diri dengan kediaman mereka. Seterusnya cadangan tentang kediaman yang dibuat menunjukkan hasil kajian ahli akademik merupakan faktor penyumbang terhadap kejayaan sesuatu perancangan. Semuanya akan diperincikan satu persatu memperjelaskan kepada pembaca tentang masyarakat yang dikatakan tertinggal dari arus pembangunan dan pemodenan dan usaha-usaha yang boleh



soalan-soalan kajian.

